Tanah Simpanan Awam *(Hima)* dan Hubungannya Pemeliharaan Alam Sekitar

BITARA
Volume 8, Issue 3, 2025: 367-379
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 2 August 2025
Accepted: 2 September 2025
Published: 30 September 2025

[Public Reserved Land (*Hima*) and Its Relationship with Environmental Conservation]

Abdul Basir Mohamad[1], Nurbazla Ismail[1] & Md. Yazid Ahmad[1*]

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: abasir@ukm.edu.my, nurbazla@ukm.edu.my, yazid@ukm.edu.my

*Corresponding Author: yazid@ukm.edu.my

Abstrak

Konsep tanah simpanan (*hima*) atau merizabkan tanah simpanan untuk masyarakat awam bukanlah sesuatu yang asing dalam Islam, malah telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW dan diteruskan oleh *Khulafa' al-Rashidin*. Walaupun amalan ini telah wujud dalam masyarakat Arab pra-Islam, tujuannya ketika itu lebih bersifat eksklusif dan penentuan keluasan tanah adalah berorientasikan kepentingan peribadi golongan bangsawan serta bukan bertujuan untuk kelestarian alam sekitar. Situasi in telah menyekat keperluan masyarakat awam untuk memilik dan membangunkan tanah kerana perlu meminta keizinan pemiliknya. Apabila kedatangan Islam, Rasulullah SAW melarang amalan yang diamalkan oleh para pembesar Arab tersebut kerana tindakan sedemikian boleh menyempitkan kawasan tanah bagi kemudahan orang awam. Permasalahan kajian ini timbul apabila konsep *hima* yang bersifat ekologi dan awam kurang difahami serta sering disalah tafsir sebagai sekatan terhadap pemilikan individu. Lebih-lebih lagi ia boleh merosakkan keseimbangan ekosistem dan ekologi alam persekitaran. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan konsep *hima* menurut perspektif hukum Islam dan meneliti hubungannya dengan usaha pemeliharaan alam sekitar. Kajian kualitatif ini menggunakan metode kajian kepustakaan melalui analisis dokumen yang diteliti daripada sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *hima* oleh Rasulullah SAW, seperti pewartaan kawasan Naqi' di Madinah, merupakan dasar awal pengurusan sumber alam secara lestari dalam Islam. Konsep ini menegaskan tanggungjawab pemerintah untuk mengurus dan merizabkan kawasan tertentu bagi kepentingan awam serta kelestarian alam sekitar. Implikasinya, pendekatan *hima* wajar dijadikan model rujukan dasar pengurusan tanah dan alam sekitar moden berteraskan nilai Syariah dan pembangunan mampan.

Kata kunci: Tanah simpanan awam, hima, alam sekitar, ekologi, ekosistem, kelestarian alam sekitar

Abstract

The concept of reserved land (hima), or the designation of land for public benefit, is not foreign to Islam. It has been practiced since the time of the Prophet Muhammad (peace be upon him) and continued under the Khulafa' al-Rashidin. Although the practice existed among pre-Islamic Arab societies, its purpose was exclusive, with land allocation based on the personal interests of the nobility rather than environmental sustainability. This system restricted public access to land ownership and development, as permission from elite holders was required. With the advent of Islam, the Prophet Muhammad (peace be upon him) prohibited such practices to ensure that land remained accessible for public use. The issue addressed in this study arises from the limited understanding of the hima concept, which is ecological and public in nature but is often misinterpreted as a restriction on private ownership. Such misconceptions can harm environmental and ecological balance. This study aims to explain the concept of hima from the perspective of Islamic law and to explore its relevance to environmental conservation efforts. Using a qualitative library-based approach, this

research analyzes both primary and secondary sources. The findings indicate that the implementation of hima by the Prophet Muhammad (peace be upon him) such as the designation of the Naqi‘ area in Madinah represents an early Islamic model of sustainable natural resource management. The hima system underscores the responsibility of governing authorities to reserve and manage specific areas for public welfare and environmental preservation. Consequently, the hima approach offers valuable insights for developing modern land and environmental management policies grounded in Shariah principles and sustainable development.

Keywords: Public reserved land, hima, environment, ecology, ecosystem, environmental sustainability

This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:
Abdul Basir Mohamad, Nurbazla Ismail & Md. Yazid Ahmad. (2025). Tanah Simpanan Awam (Hima) dan Hubungannya dengan Pemeliharaan Alam Sekitar [Public Reserved Land (Hima) and Its Relationship with Environmental Conservation]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 367-379.

Pengenalan

Konsep *hima* atau Tanah Simpanan Awam telah pun wujud dalam undang-undang tanah Islam. Menurut al-Zuhayli (1989) *hima* bererti satu kawasan tanah yang digazetkan oleh pihak pemerintah untuk suatu tujuan tertentu bagi kepentingan dan maslahat masyarakat awam. Istilah *hima* berasal daripada bahasa Arab, iaitu *al-hima* yang diertikan sebagai “tempat mengembala yang dijaga atau sesuatu yang dijaga atau dikawal”(Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2006). Akar kata *hima* daripada *hama-yahmi*, bererti menjaga atau memelihara (al-Marbawi 1931; Qamus Besar 2006). Maka istilah *hima* boleh dihubungkan dengan istilah *himayah* (pemeliharaan) dan *tahjir* (penentuan had sempadan) (al-Zuhayli 1989).

Sebenarnya, amalan *hima* telah pun wujud sebelum kedatangan Islam lagi. Pada waktu itu, apabila seorang ketua kabilah pergi ke suatu tempat yang subur di padang pasir, ditentukan kawasan tersebut sebagai hak miliknya dengan ketentuan sejauh salakan anjing daripada atas bukit. Setelah ketentuan pemilikan itu dibuat, binatang peliharaan orang lain tidak boleh lagi dipelihara di dalam kawasan itu melainkan dengan keizinan ketua kabilah tersebut (al-Zuhayli 1989; Jawwad Ali 1978).

Konsep dan amalan *hima* dalam zaman Jahiliah berbeza seperti mana yang diamalkan oleh undang-undang Islam. *Hima* dalam zaman Jahiliah adalah khusus untuk orang-orang tertentu sahaja. Pada kebiasaannya ia dilakukan oleh golongan orang yang berkuasa dan berpengaruh dalam masyarakat untuk kepentingan diri sendiri. Apabila golongan berkuasa menetapkan sesuatu kawasan sebagai *hima* bagi kepentingan diri mereka, maka mereka bebas mempergunakan tanah itu seolah-olah sebagai hak milik peribadi, tanpa mengambil kira sama ada kawasan berkenaan sesuai untuk pembangunan yang memberi manfaat kepada masyarakat awam ataupun sebaliknya. Malah, mereka juga tidak menghiraukan kemungkinan wujudnya kemudaratan terhadap masyarakat akibat tindakan sedemikian (al-Mawardi 1960).

Apabila datangnya Islam, amalan *hima* yang telah diamalkan oleh kabilah Arab ketika itu diperbetulkan. Amalan *hima* seperti mana yang berlaku dalam zaman sebelum kedatangan Islam itu dilarang oleh Rasulullah SAW dengan alasan jika dibiarkan sebegitu ia boleh menyempitkan kawasan kemudahan masyarakat awam. Di samping itu, ahli masyarakat awam dilarang daripada memonopoli sesuatu manfaat di atas tanah *hima* sebagai hak milik individu. Ini kerana *hima* merupakan hak milik masyarakat awam secara bersama (al-Zuhayli 1989; al-Shaukani t.th; Ibn Qudamah t.th). Dalam zaman awal Islam, tanah *hima* digazetkan untuk tujuan penempatan kuda milik kerajaan atau milik golongan fakir dan miskin. Ini bermakna, dalam Islam tanah simpanan awam yang bertujuan untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar sudah pun wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan *Khulafa' al-Rashidin*.

Hukum Amalan *Hima* dalam Islam

Para fuqaha tidak berbeza pendapat dalam konteks larangan kepada orang ramai menggazetkan sesebuah kawasan sebagai kawasan *hima* untuk kepentingan diri sendiri. Tetapi perbezaan pendapat wujud dalam kalangan para fuqaha dari sudut, adakah amalan *hima* untuk maslahat umum diharuskan selepas kewafatan Rasulullah SAW? Perbezaan pendapat ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan.

Menurut jumhur fuqaha yang terdiri daripada mazhab Maliki (al-Khirshi 1899; al-Abi t.th.), mazhab Shafi'i pada pendapat yang Azhar (al-Khatib 1958; al-Ramli 1992) dan mazhab Hanbali (Ibn Qudamah t.th; al-Buhuti 1982), mereka berpendapat bahawa harus pihak berkuasa selepas kewafatan Rasulullah SAW mewujudkan kawasan *hima* bagi kemaslahatan Muslimin untuk dijadikan sebagai penempatan haiwan yang diperolehi daripada hasil zakat, hasil sedekah atau hasil jizyah, atau penempatan haiwan milik fakir miskin. Pendapat mereka berdasarkan kepada tindakan Rasulullah SAW yang telah menggazetkan al-Naqi' untuk penempatan kuda milik Muslimin (Abu Daud 1950).

Pandangan jumhur fuqaha berdasarkan dalil bahawa Rasulullah SAW telah merizabkan sebuah kawasan tertentu di al-Naqi' untuk kepentingan umum dan tindakan tersebut telah diikuti oleh para sahabat baginda seperti Abu Bakar dan 'Umar sebagai suatu tindakan yang diharuskan oleh syarak. Tindakan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW itu adalah bertujuan kebaikan dan ke*maslahan* orang ramai secara umum, bukannya untuk kebaikan kepada diri baginda secara khusus. Oleh itu, hukum keharusan pelaksanaan tanah *hima* tidak hanya dikhususkan pada zaman Rasulullah SAW sahaja, malah boleh diteruskan oleh para pemimpin selepas baginda demi untuk pemeliharaan alam sekitar dan kepentingan rakyat secara umum (al-Mawardi 1960). Bahkan menurut Ibn Qudamah yang berpendapat bahawa hukum yang mengharuskan para sahabat Nabi SAW melaksanakan *hima* mencapai tahap ijmak (Ibn Qudamah t.th.; al-Buhuti 1982).

Sebahagian fuqaha mazhab Shafi'i berpendapat bahawa tidak harus pelaksanaan *hima* dilakukan oleh pemimpin selepas kewafatan Rasulullah SAW berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Sa'b bin Jaththamah bahawa Rasulullah SAW ketika merizabkan tanah al-Baqi' bersabda:

وَلِرَسُولِهِ لَا حِمَى إِلَّا لِلَّه

Maksudnya: Tiada (amalan) *hima* dibenarkan kecuali untuk Allah dan RasulNya. (Kitab al-Buyu', Bab Ihya' al-Mawat, No. Hadis 944, hlm.396)

Ringkasnya, apabila diteliti dua pendekatan pendapat di atas, didapati pendapat golongan jumhur fuqaha lebih kuat dan jelas dibandingkan dengan pendapat golongan fuqaha kedua. Para fuqaha golongan jumhur mengambil pendekatan maksud hadis: Tiada (amalan) *hima* dibenarkan kecuali untuk Allah dan RasulNya, dengan maksud bahawa *hima* itu tidak boleh dilakukan oleh pemerintah melainkan untuk kemanfaatan golongan fakir, miskin dan bagi kemaslahatan muslimin secara keseluruhan (al-Khirshi 1899; al-Mawardi 1960 al-Ramli 1992). Bukanlah seperti mana pelaksanaan *hima* yang berlaku semasa zaman Jahiliah, iaitu pihak tertentu yang mempunyai kuasa boleh menentukan sesuatu kawasan yang subur sejauh salakan anjing sebagai kawasan *hima* untuk kepentingan diri sendiri dan orang awam tidak boleh lagi memasuki dan mengambil manfaat daripadanya (Jawwad Ali 1978). Tindakan yang berlaku seperti mana pada zaman Jahiliah itu dilarang keras oleh Rasulullah SAW. Ini kerana tindakan sedemikian boleh menghalang orang awam daripada menikmati manfaat daripada kawasan tanah yang mereka juga mempunyai hak di atasnya, serta menyusahkan orang ramai dalam memenuhi keperluan harian seperti untuk mendapatkan rumput dan menggembala haiwan dalam kawasan tersebut.

Selain itu, larangan Rasulullah SAW terhadap amalan *hima* yang diamalkan oleh pembesar Arab pada zaman Jahiliah atas alasan bahawa ia boleh menghalang ahli masyarakat daripada mendapatkan manfaat air, rumput dan api. Sedangkan kawasan tersebut merupakan suatu kawasan pemilikan bersama oleh seluruh ahli masyarakat. Tindakan menghalang orang awam daripada memasuki suatu kawasan *hima* oleh pihak-pihak tertentu telah bertentangan dengan sabda Rasulullah SAW:

المسلِمونَ شُركاءُ في ثلاثٍ : في الكَلَإِ ، والماءِ ، والنَّارِ

Maksudnya: Orang Islam berkongsi dalam tiga perkara: air, rumput dan api. (Riwayat Ahmad dan Abu Daud, Kitab al-Buyu', Bab Ihya' al-Mawat, No. Hadis 951, hlm.204.)

Maksud hadis di atas lebih menepati dengan pendapat jumhur fuqaha, iaitu masyarakat awam boleh menikmati manfaat air, rumput dan api secara bebas di dalam kawasan tanah awam tanpa sekatan selama mana kawasan tersebut tidak dimiliki oleh seseorang secara sah menurut undang-undang. Sebarang tindakan yang menghalang masyarakat awam daripada mendapatkan manfaat tanpa alasan yang munasabah adalah dilarang. Berdasarkan pendapat jumhur fuqaha, didapati bahawa para fuqaha tidak mengehadkan amalan *hima* hanya diamalkan oleh Rasullah SAW sahaja, malah amalan tersebut boleh diamalkan juga oleh pihak berkuasa selepas kewafatan Rasulullah SAW hingga ke hari ini. Apa yang penting ialah tujuan utama atau ilat bagi hukum pelaksanaan *hima* semestinya untuk kemaslahatan umum dan pengekalan ekosistem alam sekitar. Maka keperluan *hima* bagi kemaslahatan umum dan kelestarian alam sekitar akan wujud sepanjang masa, tidak hanya terhad dalam zaman Rasulullah SAW sahaja.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Menelusuri Sinergi Amalan Hima di Malaysia dalam Konteks Pemeliharaan Alam Sekitar

Konsep dan amalan *hima* yang diamalkan oleh masyarakat Jahiliah telah dihapuskan oleh Rasulullah SAW melalui sabda baginda yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas RA:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ الصَّعْبَ بْنَ جَثَّامَةَ قَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا حِمَى إِلَّا لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ.

> Maksudnya: Daripada Ibn ‘Abbas RA bahawa al-Sa‘b bin Jaththamah berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Tiada (amalan) *hima* dibenarkan kecuali untuk Allah dan RasulNya. (Riwayat al-Bukhari dan Abu Daud, Kitab *al-Shurb wa al-Musaqah, Bab La Hima illa Lillah wa li Rasulih*, No. Hadis 2241)

Umumnya, maksud hadis di atas membatalkan amalan *hima* yang dilakukan oleh masyarakat Jahiliah. Dalam zaman Jahiliah, orang yang mempunyai kedudukan dan kuasa apabila menemui sesuatu kawasan yang subur, mereka menempatkan anjing di atas bukit atau pada suatu tempat yang tinggi dan kemudian mereka berjalan ke arah bertentangan sehingga tidak lagi mendengar bunyi salakan anjing. Selepas itu, ditentukan bahawa kawasan itu merupakan milik mereka dan orang ramai tidak boleh lagi memasuki ke dalamnya (al-Khattabi 1991). Tindakan mereka ini dapat dikatakan bahawa pada zaman Jahiliah, sesiapa yang mempunyai kuasa dan kedudukan boleh menguasai dan memiliki sesuatu kawasan yang subur untuk kegunaan sendiri dengan menafikan hak orang ramai secara sewenang-wenangnya. Jika keadaan sebegini dibiarkan berlaku secara tidak terurus dengan baik, akhirnya masyarakat awam, malah negara akan kehilangan kawasan yang strategik bagi tujuan pembangunan, kemakmuran negara dan pemantauan bagi kelestarian alam sekitar.

Hadis di atas juga bermaksud bahawa sesuatu kawasan tanah awam tidak boleh diambil oleh seseorang untuk dijadikan milik persendirian. Tanah milik awam yang telah ditentukan untuk sesuatu kepentingan negara hendaklah digazet dan diwartakan sebagai hak milik awam. Hal ini bagi menjamin sesuatu kawasan hak milik dan kepentingan awam itu terpelihara dan dilindungi, terutamanya dari sudut alam sekitarnya di samping menjamin keseimbangan dan keharmonian kehidupan manusia dan habitat lain. Inilah keperluan sesuatu kawasan itu digazetkan sebagai kawasan awam seperti kawasan taman permainan, kawasan hutan simpan, taman haiwan, kawasan tadahan air, padang ragut dan sebagainya yang dikawal selia oleh pihak berkuasa negara demi keseimbangan pembangunan supaya tidak dicerobohi dan dirosakkan oleh pihak tertentu.

Di samping itu, bagi sesuatu kawasan yang boleh dibangunkan atau dimajukan, Islam sangat menggalakkan supaya tanah tersebut dibangunkan. Perbincangan pembangunan tanah terbiar dalam undang-undang tanah Islam dibincangkan dalam tajuk ‘*ihya’ al-mawat*’, iaitu memajukan tanah terbiar. Dalam kes ini, Islam melarang sekiranya *hima* digazetkan bagi tujuan menghalang daripada satu-satu kawasan dimajukan atau diambil manfaat oleh masyarakat

awam seperti untuk mendapatkan rumput dan air (al-Zuhayli 1989). Hal sebegini sering terjadi dalam zaman Jahiliah. Sebab itulah apabila Rasulullah SAW menjadi pemimpin di Kota Madinah, baginda memantau hal ini supaya kepentingan awam tidak dicerobohi. Walaupun begitu, baginda tidak melupakan pembangunan tanah dan sumber alam serta menjaga ekosistem alam persekitaran.

Keadaan dan tindakan menggazetkan sesuatu kawasan untuk kepentingan awam seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW telah pun dilaksanakan di Malaysia pada hari ini. Hal ini terbukti dengan tindakan pihak kerajaan menggazetkan sesuatu kawasan itu sebagai hutan simpan kekal, tanah rizab awam, rizab orang asli, hutan lipur untuk rekreasi, hutan taman negara dan hutan taman negeri-negeri. Hal ini kita dapat lihat di seluruh negara, iaitu terdapat taman-taman rekreasi dan hutan lipur untuk kemudahan dan kegunaan masyarakat awam. Antara taman terbesar ialah Taman Negara yang terletak di negeri Pahang. Semua ini merupakan penerusan sistem *hima* yang telah diperkenalkan oleh Islam pada suatu waktu dahulu yang bertujuan untuk pemeliharaan kawasan tertentu bagi keseimbangan dan pengekalan ekosistem semulajadi alam sekitar.

Kerajaan Malaysia pada hari ini sangat mengambil berat berkaitan dengan penjagaan dan pengawalan alam sekitar. Salah satu cara alam sekitar boleh dikawal dan dijaga secara berkesan ialah melalui pewartaan Hutan Simpan Kekal (HSK). Dengan pewartaan sesuatu kawasan sebagai hutan simpan kekal, maka kawasan tersebut tidak lagi boleh diterokai sewenang-wenangnya yang boleh mengakibatkan kerosakan alam sekitar. Ini terbukti bahawa pada tahun 1978, Majlis Perhutanan Negara telah meluluskan Dasar Perhutanan Negara yang disahkan pada 19 April 1978 yang kemudiannya pindaan telah dibuat pada November 1992.

Di bawah Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992), hutan simpan kekal diurus di bawah empat fungsi utama iaitu sebagai:

Bil.	Fungsi Utama	Penerangan
1	Hutan perlindungan	Berfungsi sebagai kawasan sumber air, mengurangkan kerosakan disebabkan banjir, hakisan sungai dan tanah-tanah pertanian.
2	Hutan berhasil/pengeluaran	Berfungsi sebagai bekalan yang berpanjangan bagi semua bentuk keluaran hutan yang dihasilkan secara ekonomik bagi memenuhi kehendak domestik dan pengeksportan.
3	Hutan lipur	Berfungsi sebagai kawasan rekreasi eko pelancongan dan menggalakkan pengetahuan awam mengenai kepentingan kawasan hutan.
4	Hutan penyelidikan dan pendidikan	Berfungsi sebagai kawasan kajian penyelidikan, pendidikan serta pemeliharaan kepelbagaian hayat.

Sumber: Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Hutan Simpan Kekal 2017.

Kesinambungan dari itu, terdapat beberapa dasar terkini yang menggantikan atau menyokong dasar lama (Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992)), iaitu:

1. Dasar Perhutanan Malaysia (2021) iaitu dokumen dasar nasional yang meliputi seluruh Malaysia yang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara ke-78 pada 29 Januari 2021.
2. Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (2021) iaitu dasar khusus bagi Semenanjung Malaysia yang menggantikan aspek dalam dasar lama bagi kawasan itu.
3. National Forestry (Amendment) Act 2022 (Akta A1667) yang menguatkan undang-undang berkaitan hutan simpan kekal dan prosedur degazet hutan.

Sebagai contoh, hutan simpan kekal di Negeri Selangor sehingga Disember 2015 berkeluasan lebih kurang 250, 129 hektar atau bersamaan dengan 54% daripada keluasan Negeri Selangor (Dewan.Selangor.gov.my: 2016). Takrif hutan simpan kekal menurut seksyen 2 Akta Perhutanan Negara 1984 ialah "mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan suatu hutan simpan kekal di bawah Akta ini". Hutan simpan kekal ini diwartakan adalah bertujuan untuk kepentingan masyarakat awam antaranya sebagai kawasan tadahan hujan, menstabilkan oksigen, penampan hakisan, menyeimbangkan ekosistem dan sebagai hutan lipur untuk taman rekreasi bagi pengekalan pelbagai flora dan fauna. Justeru, pengekalan kawasan hutan simpan kekal adalah sangat penting bagi kemaslahatan generasi akan datang. Sekiranya didapati ada pihak yang menceroboh kawasan yang telah digazetkan sebagai hutan simpan kekal, pihak berkenaan akan didakwa di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 di bawah seksyen 32, seksyen 47(1) dan seksyen 81(1)(g) tertakluk kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Secara ringkasnya, keluasan hutan simpan kekal mengikut negeri di Malaysia seperti mana dalam jadual di bawah:

Negeri	Tahun	Keluasan/hektar
Johor	2017	332,747
Kedah	2017	341,976
Kelantan	2017	613,275
Melaka	2017	5,138
Negeri Sembilan	2017	155,650
Pahang	2017	1,558,898
Perak	2017	995,216
Perlis	2017	10,615
Pulau Pinang	2017	5,101
Sabah	2017	3,540,749
Sarawak	2017	4,274,825
Selangor	2017	250,129
Terengganu	2017	542,411
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2017	68

Sumber: https://storage.data.gov.my/environment/forest_reserve_state.csv

Di samping itu, bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang sama ada secara langsung atau tidak langsung supaya sesuatu kawasan itu sentiasa terpelihara daripada sebarang pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab atau pencemaran alam sekitar, parlimen telah meluluskan beberapa statut bagi tujuan tersebut. Antaranya:

a. Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).
b. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).
c. Akta Taman Negara 1980 (Akta 226).
d. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).
e. Enakmen Penternakan Babi Mengikut Negeri.
f. Akta Perlombongan Petroleum 1966 (Akta 95).
g. Akta Air 1920 (Akta 418).
h. Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).
i. Akta Pemuliharaan Tanah 1960 (Akta 385).
j. Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 (Akta 508).
k. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56).
l. Kanun Tatacara Jenayah (Semakan 1999) (Akta 593).
m. Kanun Keseksaan (Semakan 1997) (Akta 574).
n. Akta Perdagangan Spesis Terancam Antarabangsa Tahun 2008 (Akta 686).
o. Akta Pembangunan Mineral 1994(Akta 525).
p. Akta Perikanan 1985 (Akta 317).
q. Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Akta 127).
r. Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76).
s. Akta Air 1920 (Akta 418).
t. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Semua Akta yang tersenarai di atas diluluskan oleh Parlimen Malaysia bagi tujuan menjamin dan memelihara alam sekitar yang mengandungi flora dan fauna termasuk kawasan tadahan air daripada diceroboh oleh pihak tertentu yang akhirnya boleh mengakibatkan kerosakan kepada ekologi dan ekosistem alam persekitaran.

Tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan Malaysia bagi tujuan melindungi alam sekitar melalui pewartaan hutan simpan kekal berserta dengan penguatkuasaan beberapa Akta sepertimana di atas menunjukkan bahawa tindakan tersebut merupakan penerusan sistem hima yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Sistem *hima* ini juga telah diambil inisiatif dan dihidupkan semula oleh negara-negara lain demi untuk kelestarian alam sekitar. Sebagai contoh, Arab Saudi yang telah mengenal pasti beberapa lokasi bagi tujuan ekopelancongan dan kawasan rekreasi. Usaha ini telah dilaksanakan dengan kerjasama *World Wildlife Fund for Nature*. Di Lebanon, *hima* dilaksanakan oleh Society for the Protection of Nature bagi tujuan eko pelancongan dan penjagaan alam sekitar. Antara aktiviti yang dilakukan dalam kawasan *hima* ialah penternakan lebah, di samping aktiviti pemerhatian burung bagi pencinta burung dan pendakian tanah tinggi bagi menggantikan aktiviti perburuan (Widad 2014:193).

Dengan diwujudkan kawasan hutan simpan sebegini, terutamanya hutan lipur, masyarakat awam dapat memperolehi dan mempelajari beberapa manfaat dan faedah iaitu:

i. Dapat menghayati sejauh mana kepentingan dan kebaikan pengekalan alam semulajadi.
ii. Dapat menikmati kemudahan istirahat, perkelahan dan riadah di samping menikmati keindahan semulajadi.
iii. Dapat menjalani latihan, pembelajaran dan penyelidikan mengenai alam semulajadi.

iv. Dapat mengurangkan tekanan fizikal dan emosi ekoran kesibukan kerja harian.
v. Dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk sekitar hasil kunjungan pelancong ke kawasan hutan lipur sebagai salah satu destinasi pelancongan.

Inilah yang dihuraikan oleh Imam al-Shafi'i (1993) berkaitan dengan hadis di atas, iaitu sesebuah kawasan tanah itu tidak boleh dirizabkan kecuali mengikut dasar yang telah dibuat oleh Rasulullah SAW. Baginda telah merizabkan tanah untuk faedah kaum Muslimin dan masyarakat awam dan bukan untuk diri sendiri.

Walaupun dalam hadis itu diberikan kebenaran kepada Rasulullah SAW merizabkan sesuatu tanah untuk diri baginda, tetapi baginda tidak berbuat sedemikian, malah dirizabkan tanah untuk kemanfaatan seluruh ahli masyarakat (Ibn Qudamah t.th.).

Hadis di atas jelas melarang amalan *hima* seperti mana yang diamalkan oleh masyarakat Jahiliah. Dalam Islam, jika *hima* hendak dilakukan, ia semestinya dilakukan untuk kepentingan masyarakat awam seluruhnya. Itulah yang dimaksudkan *hima* untuk Allah dan RasulNya (al-Mawardi 1960; al-Ramli 1992).

Daripada perbincangan di atas, dapatlah dikatakan bahawa Islam sangat menitikberatkan penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar. Dengan amalan *hima* ini, kita dapat memahami apakah tujuan sebenar *hima* dilakukan. Sekiranya sistem *hima* tidak dilaksanakan bahkan sesuatu kawasan itu secara bebas diberikan atau dinyahmilikkan kepada individu atau pihak-pihak tertentu, apa akan terjadi kepada sesuatu kawasan itu. Sudah pasti ia akan diterokai secara membuta tuli untuk kepentingan sendiri tanpa mempedulikan kesejahteraan orang lain yang akhirnya boleh mengakibatkan bencana kepada alam persekitaran.

Apabila sesuatu kawasan itu digazetkan sebagai *hima*, maka orang ramai dilarang melakukan aktiviti perburuan, penebangan pokok, pembakaran hutan, pemindahan kayu kayan, pembalakan dan pemusnahan pokok-pokok, melainkan setelah mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa dengan syarat tertentu yang ketat.

Terdapat beberapa contoh kawasan tanah yang digazetkan oleh Rasulullah SAW sebagai kawasan *hima*. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW merizabkan sebidang tanah di Kota Madinah termasuk sebuah bukit di al-Baqi'. Keluasan tanah tersebut ialah enam batu persegi untuk tujuan kemanfaatan bagi golongan Ansar dan Muhajirin (al-Mawardi 1960). Begitu juga dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar RA bahawa Nabi SAW telah merizabkan sebidang tanah di al-Naqi', iaitu suatu kawasan yang jaraknya lebih kurang 8 batu dari Kota Madinah untuk kegunaan penempatan kuda orang-orang Islam (al-Zuhayli 1989).

عَنِ ابْنِ عُمَرَ , أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَمَى النَّقِيعَ لِخَيْلِ الْمُسْلِمِينَ تَرْعَى فِيهِ.

> Maksudnya: Daripada Ibn 'Umar bahawa Nabi SAW merizabkan al-Naqi' bagi tujuan penggembalaan kuda milik orang-orang Islam di situ. (Riwayat al-Bukhari, al-Bayhaqi dan Abu Daud, Kitab Ihya' al-Mawat, Bab Ma Ja'a fi al-Hima, No. Hadis 11054)

Daripada perbincangan yang lalu, didapati amalan *hima* ini tidak terhenti pada zaman Nabi SAW sahaja, bahkan diteruskan oleh para *Khulafa' al-Rashidin*. Sebagai contoh semasa

pemerintahan Khalifah Abu Bakar RA, beliau merizabkan sebidang tanah di satu kawasan yang bernama al-Rabadhah, iaitu satu kawasan di antara Mekah dan Madinah untuk kegunaan orang-orang miskin. Begitu juga dalam zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar al-Khattab, beliau merizabkan sebidang tanah untuk kegunaan orang-orang miskin di satu tempat yang bernama al-Sarafa, iaitu satu kawasan berdekatan dengan Kota Mekah (al-Mawardi 1960; al-Zuhayli 1989).

Daripada beberapa contoh *hima* atau amalan merizabkan satu kawasan tanah untuk kegunaan awam yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para *Khulafa' al-Rashidin* menunjukkan dalam syariat Islam terdapat suatu sistem pemeliharaan dan pengawalan alam sekitar untuk tujuan faedah dan maslahat masyarakat awam. Jika hal ini tidak dipedulikan oleh pihak pemerintah, berkemungkinan besar pihak tertentu yang mempunyai kepentingan diri bebas meneroka sesuatu kawasan secara berleluasa tanpa menghiraukan kepentingan awam yang akhirnya boleh merosakkan alam persekitaran.

Kuasa Merizab dan Membatalkan Tanah *Hima*

Secara prinsipnya, merizabkan mana-mana kawasan tanah bagi tujuan diri sendiri atau untuk segolongan tertentu seperti untuk kepentingan orang-orang kaya, ia tidak dibenarkan dalam undang-undang tanah Islam. Tetapi sekiranya ia dilakukan untuk tujuan kepentingan keseluruhan orang Islam atau untuk orang-orang fakir dan miskin, mengikut pendapat kebanyakan fuqaha adalah dibenarkan. Ini merupakan pendapat Abu Hanifah, Malik dan pendapat yang sahih daripada al-Shafi‘i. Pendapat inilah yang diamalkan oleh Saidina Abu Bakar dan ‘Umar RA. Para pemerintah tidak boleh merizabkan tanah untuk kepentingan diri sendiri. Apa yang boleh dilakukan oleh pihak pemerintah ialah merizabkan sesuatu kawasan untuk tujuan kepentingan umum, seperti untuk dijadikan tempat pemeliharaan dan jagaan kuda pejuang Islam, haiwan hasil cukai jizyah, unta hasil pembayaran zakat dan termasuk haiwan yang tidak bertuan serta haiwan milik golongan miskin (al-Zuhayli 1989; Ibn Qudamah t.th.).

Semua tindakan ini bertujuan untuk mengawal dan memelihara sama ada secara langsung atau tidak langsung alam persekitaran termasuk pemeliharaan biodiversiti alam persekitaran semula jadi agar flora dan fauna dapat dikawal, dipantau, dijaga dan dipelihara sebaik mungkin. Hal ini diharapkan dapat menjamin kelestarian alam sekitar dengan mewujudkan hubungan yang baik antara manusia, haiwan dan alam sekitar demi pemeliharaan kepelbagaian alam lingkungan semulajadi.

Pemerintah Islam boleh membatalkan mana-mana tanah *hima* sama ada yang diluluskan olehnya atau pemerintah sebelumnya dan pada waktu yang sama dia boleh menggantikan dengan suatu kawasan tanah yang lain. Hal ini biasanya terjadi demi menjaga kepentingan dan maslahat masyarakat awam (al-Ramli 1992; Ibn Qudamah t.th.). Lebih-lebih lagi bagi menjamin kelestarian alam sekitar yang bertujuan melindungi sumber semula jadi dan habitat kepelbagaian alam di samping memelihara keseimbangan ekologi setempat.

Dari sudut pemilikan tanah *hima*, tanah tersebut sebenarnya merupakan satu kawasan yang dimiliki oleh negara, bukannya dimiliki oleh individu tertentu. Oleh itu, individu atau pihak tertentu tidak boleh memohon sesuatu kawasan tanah *hima* untuk kepentingan pihak tertentu. Hal ini adalah untuk menjaga dan mengawal selia sesuatu kawasan itu supaya ia tidak disalahgunakan yang akhirnya boleh merosakkan biodiversiti alam persekitaran.

Ketentuan Penggunaan Tanah *Hima*

Demi menjaga alam persekitaran supaya sentiasa terjaga dan terpelihara daripada sebarang pencerobohan, pihak pemerintah boleh merizabkan sesuatu kawasan tertentu bagi tujuan dan kegunaan tertentu kepada masyarakat awam. Antara tujuan *hima* itu diwujudkan boleh disenaraikan seperti mana berikut (al-Mawardi 1960):

i. Penggunaan tanah *hima* tertakluk kepada pihak pemerintah yang merizabkannya. Jika ia ditentukan untuk kegunaan dan faedah semua masyarakat awam, maka faedahnya boleh dinikmati oleh semua golongan manusia sama ada kaya atau miskin. Tetapi jika hanya ditentukan untuk faedah masyarakat miskin sahaja, maka golongan kaya dilarang menggunakannya.
ii. Untuk kegunaan pemeliharaan haiwan oleh masyarakat miskin dan fakir. Masyarakat miskin kebiasaannya mereka tidak mempunyai tanah untuk tujuan pemeliharaan haiwan. Oleh itu, pihak pemerintah boleh mewujudkan kawasan *hima* yang khusus untuk golongan ini. Apabila ia diwujudkan untuk golongan miskin dan fakir, maka golongan kaya termasuk pihak pemerintah sendiri tidak boleh menggunakan tanah *hima* tersebut.
iii. Tidak sah merizabkan tanah *hima* untuk semata-mata kepentingan golongan kaya sahaja. Begitu juga tidak boleh ketua negara atau timbalannya merizabkan suatu kawasan tanah untuk kepentingan diri sendiri.
iv. Tidak boleh dikenakan bayaran kepada golongan yang dibenarkan menternak haiwan mereka dalam kawasan *hima*.
v. Mengikut mazhab Shafi‘i, pihak yang diberikan hak penggunaan *hima* atau tanah simpanan awam tidak boleh bertindak memiliki tanah tersebut. Malah tanah itu hendaklah dilindungi dan dipelihara menurut peraturan dan syarat sebagai tanah simpanan awam.
vi. Amalan *hima* dalam zaman awal Islam lebih tertumpu kepada merizabkan satu kawasan bagi ternakan haiwan. Pada hari ini, *hima* boleh diwujudkan demi kepentingan masyarakat awam dan pemeliharaan alam persekitaran. Sebagai contoh, *hima* diwujudkan sebagai kawasan tadahan hujan, kawasan empangan, taman negara, hutan domestik, hutan ameniti, hutan simpan hidupan liar, hutan simpan dara, hutan lipur, hutan perlindungan dan pemeliharaan tumbuhan tertentu.

Kesimpulan

Daripada perbincangan mengenai konsep *hima* di atas, dapat disimpulkan bahawa Islam memberikan penekanan yang sangat tinggi terhadap aspek penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar. Prinsip ini tergambar dengan jelas melalui pelaksanaan amalan *hima* oleh Rasulullah SAW, yang kemudiannya diteruskan oleh para *Khulafa' al-Rashidin*. Rasulullah SAW dengan tegas melarang sebarang bentuk penguasaan atau monopoli tanah oleh pihak berkuasa negara, kerana tindakan sedemikian boleh menafikan hak dan kepentingan masyarakat awam. Selain itu, amalan tersebut juga berpotensi menjejaskan keseimbangan ekosistem semula jadi serta

menimbulkan ketidaktelusan dalam pengurusan sumber alam. Oleh itu, pelaksanaan *hima* dalam Islam bukan sahaja mencerminkan keadilan sosial, tetapi turut menegaskan tanggungjawab moral pemerintah dalam memastikan kelestarian alam sekitar demi kemaslahatan umum. Keadaan ini bermula dengan Islam menegah umat manusia melakukan sebarang kerosakan di atas muka bumi ini. Ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT dalam al-Quran dan sabda Rasulullah SAW dalam himpunan hadis nabawi. Rentetan itu, *hima* diwujudkan bagi merealisasi hasrat tersebut. Jika dilihat keseluruhan perbincangan berkaitan dengan *hima* dan hubung kaitnya dengan alam sekitar, fokus utama dapat dikatakan bahawa Islam melarang sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan kerosakan alam sekitar demi menjaga kesejahteraan umat manusia. Seterusnya, dapat difahami daripada perbincangan yang lalu bahawa Islam telah mewujudkan suatu sistem supaya dapat dicontohi demi kesejahteraan alam sekitar dan segala tindakan penguatkuasaan melalui statut pada hari ini adalah sangat bertepatan dengan kehendak Islam demi mencegah sebarang bentuk tindakan yang boleh merosakkan alam sekitar.

Rujukan

Abu Daud, Sulayman bin al-Ash‘ath al-Sijistani al-Azdi. (1950). *Sunan Abi Daud.* Juzuk 4. Kaherah: Matba‘at al-Sa‘adah.

al-Abi al-Azhari, Salih ‘Abd al-Sami‘. (t.th). *Jawahir al-Iklil Sharh Mukhtasar al-‘Allamah al-Shaykh Khalil fi Madhhab al-Imam Malik Imam Dar al-Tanzil.* Juzuk 2. Dar al-Fikr.

al-Buhuti, Mansur bin Yunus bin Idris. (1982). *Kashshaf al-Qina‘ ‘an Matn al-Iqna‘.* Juzuk 6. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari al-Ju‘fi. (1984). Sahih Abu ‘Abd Allah al-Bukhari. Pnyt. Mahmud al-Nawawi, Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, Muhammad Khifaji, ‘Abd al-Ghani ‘Abd al-Khaliq, ‘Abd al-Shukur ‘Abd al-Fattah Fida, Salih al-‘Abd al-Rahman al-Rashid. Juzuk 9. Makkah: Maktabat al-Nahdah al-Hadithah.

al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari al-Ju‘fi. (1976). *al-Jami‘ al-Sahih* (Sahih al-Bukhari). Juzuk 9. Kaherah.

Dewan.Selangor.gov.my: 2016- https://dewan.selangor.gov.my/question/keluasan-hutan-simpan-kekal-dan-tanah-rizab-melayu: 28 Mac - 01 April 2016 dan 04 April - 08 April 2016.

Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Hutan Simpan Kekal. (2017). Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

al-Khatib, Muhammad al-Sharbini. (1958). *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifat Ma‘ani Alfaz al-Minhaj Sharh ‘ala Matn al-Minhaj.* Juzuk 4. Kaherah: Shirkah Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

al-Khirshi, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin ‘Abd Allah. (1899). *Sharh al-Khirshi ‘ala Mukhtasar Khalil.* Juzuk 8. Kaherah: al-Matba‘ah al-Kubra al-Amiriyyah.

al-Mawardi, Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi. (1960). *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah.* Kaherah: Shirkah Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

al-Ramli, Shams al-Din Muhammad bin al-'Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Shihab al-Din. (1992). *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj fi al-Fiqh 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i.* Juzuk 8. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arab.

Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad. (t.th). *al-Mughni li ibn Qudamah.* Juzuk 9. Matba'ah 'Atif wa Sayyid Taha.

Jawwad Ali. (1978). *Al-Mufassal fi Tarikh al-Arab qabl al-Islam.* Beirut: Dar al-Ilm al-Malayin.

Widad Fadhullah. (2014). Hima Satu Pendekatan Terhadap Kelestarian Alam Sekitar. *Prosiding Seminar Penyelidikan Kelestarian 2014.*

al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh.* Juzuk 8. Damshiq: Dar al-Fikr.

https://storage.data.gov.my/environment/forest_reserve_state.csv